



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL | TAJUK KERJA |
|-----|--|
| 1 | No. Sebutharga : MPK/JK 600-13/6/10 (2018) KERJA-KERJA MEMBAIKI LAMPU JALAN DAN KABEL YANG ROSAK DI SEPANJANG JLN PERUSAHAAN 22, JLN PERUSAHAAN 24, JLN PERUSAHAAN 25, JLN PERUSAHAAN 26 DAN JLN PERUSAHAAN 27, KAWASAN INDUSTRI KG IDAMAN, PANDAMARAN, PELABUHAN KLANG, KLANG SELATAN. |
| 2 | No. Sebutharga : MPK/JK 600-13/10/3(2018) KERJA-KERJA MENGGANTI KABEL, TIANG, ASPEK DAN PENAL KAWALAN LAMPU ISYARAT DI LINTASAN PEJALAN KAKI JALAN TENGGU BADAR/JALAN BERANGAN, KLANG (KSP 6). |

| TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN | TAKLIMAT (TARIKH DAN TEMPAT BERKUMPUL) | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP |
|--|---|--|--|
| BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G1 (BUMIPUTERA) ATAU G2 KATEGORI ME & PENGKHUSUSAN E11 & E04 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN) | <p>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</p> <p>TARIKH : 20/09/2018 (KHAMIS)</p> <p>MASA PENDAFTARAN : 2.00-3.00 ptg</p> <p>MASA TAKLIMAT : 3.00 ptg</p> <p>TEMPAT : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana</p> <p>Nota : <i>Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri Lawatan sahaja.</i></p> | <p>MULAI : 24/09/2018 (ISNIN)</p> <p>Penjualan secara Online</p> <p>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web http://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.</p> | <p>TARIKH TUTUP : 27/09/2018 (KHAMIS)</p> <p>JAM : 12.00 TENGAH HARI</p> <p>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p> |

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Sebut Harga dijual dengan harga **RM 40.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **24 SEPTEMBER 2018** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebut Harga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut Harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **CIDB**. Sekiranya gagal berbuat demikian penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebut harga tersebut.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti tertera di atas.
5. Penyebut Harga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya **Penama** di dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
7. Penyebut Harga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **20 SEPTEMBER 2018** jam 2.00 - 3.00 petang di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
8. Penyebut Harga yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut Harga.
9. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) oleh **CIDB**, **kad pengenalan** dan **Cop Syarikat** semasa hari taklimat.
10. Penyebut Harga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebut Harga dan Syarat-syarat Membuat Sebut Harga di dalam Dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan Sebut Harga. Jika dokumen Sebut Harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
11. Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.

12. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **30 SEPTEMBER 2018**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG